

## MACA mahu lahirkan lebih ramai pegawai integriti bertauliah

**SHAH ALAM** - Lebih ramai pegawai berintegriti dijangka berjaya dilahirkan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) menerusi Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).

MACA menerusi satu kenyataan berkata, pegawai CeIO yang dilahirkan dari program itu diharapkan dapat memastikan pematuhan undang-undang, pengawalseliaan yang sistematis dan mengikuti prosedur di organisasi masing-masing.

Katanya, mereka juga diharap dapat membina dan menanamkan budaya rasuah ‘toleransi sifar’, menghalang atau memerangi penyalahgunaan kuasa serta penipuan.

“Selain itu, pegawai CeIO turut diharap dapat menjadi pakar rujuk, memberi nasihat dan perundingan berkaitan isu governans, integriti dan rasuah di organisasi masing-masing.

“MACA berlitizam mahu melahirkan lebih ramai pegawai CeIO sama ada di kalangan penjawat awam mahupun swasta,” katanya bersempena Majlis Perasmian Penutup Program CeIO Siri 29 Bilangan 1/2022 di sini, baru-baru ini.

Perasmian penutup itu di-



Peserta  
Program  
Pegawai CeIO  
bergambar  
selepas majlis  
perasmian  
penutup  
program itu di  
PSA Shah  
Alam.

sempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Akademik dan Latihan Asas) MACA, Zakiyah Hassan di mana semua peserta menerima sijil penyertaan program yang telah berlangsung selama kira-kira dua bulan.

Peserta program pegawai CeIO Siri 29 turut menyertai Seminar Kelestarian Integriti: Hilang Tak Berganti yang majlis pembukaannya dirasmikan Timbalan Pengarah Politeknik Premier Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Shah Alam,

Roseman Mat Jidin@Jidin.

Seminar itu diadakan secara hibrid di Dewan Al-Jazari PSA menampilkan tiga panel jemputan termasuk pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Profesor Madya Dr Sharifah Hayaati Syed Ismail.

Mengulas lanjut, MACA menjelaskan, program SKI merupakan projek akhir yang perlu dijalankan oleh para peserta CeIO bagi melengkapkan keseluruhan program yang telah berlangsung sejak 7 Februari sehingga 29

Mac 2022.

“Antara objektif Program SKI ini adalah sebagai salah satu program pengukuhan integriti yang memberi fokus kepada salah laku dan jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan terutamanya di kalangan penjawat awam.

“Selain itu, peserta juga dideakarkan dengan tips-tips dan langkah-langkah sebagai seorang pegawai integriti bertauliah dalam usaha mendepani dan mencegah masalah ketirisan ini dan

seterusnya memupuk budaya integriti yang tinggi di jabatan dan agensi masing-masing,” ujarnya.

Tambah kenyataan MACA, pihaknya juga sentiasa menjadi tulang belakang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mendukung dan menyokong aspirasi kerajaan dan rakyat yang mahukan Keluarga Malaysia bebas rasuah demi keamanan dan kesejahteraan rakyat ke arah negara yang lebih maju dan mampam.